KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	11.02.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kumpulan gajah liar ceroboh kebun, musnahkan tanaman

KUALA NERANG – Lebih 50 pengusaha kebun dan dusun di Bukit Panchor, Kampung Lebai Saman, Naka dekat sini, resah apabila sekumpulan gajah liar menceroboh kebun dan merosakkan tanaman kelmarin.

Kumpulan gajah liar itu dipercayai menceroboh kebun tersebut pada awal pagi dan merosakkan tanaman yang berada di sepanjang laluannya.

Menurut pekebun, Mohd. Derisi Abd. Halim, 50, dari Kampung Lebai Saman, dia dimaklumkan tentang perkara itu oleh rakannya, Sobri Abd. Rahim, 60, yang menyedari kejadian ketika mahu pergi menoreh getah.

"Dia beritahu tanaman diusahakan kami dirosakkan gajah liar sebelum saya bersama beberapa lagi rakan ke lokasi kejadian.

"Kami terkejut kerana kira-kira 30 pokok seperti kelapa, pinang serta pisang sudah menyembah bumi," katanya di sini semalam.

Katanya, kebanyakan pokok yang rosak terletak di sekitar laluannya sahaja dan tanaman di dalam kawasan kebun atau dusun tidak terusik

"Kejadian gajah menceroboh masuk ke kawasan kebun pernah berlaku lima tahun lalu dan kejadian ini membuatkan pekebun di sini bimbang untuk keluar mengusahakan tanaman," ujarnya.

Seorang lagi pekebun, Hashim Awang Jasin, 66, pula berkata, kumpulan gajah liar yang datang ke situ kemungkinan dari kawasan Pedu dekat sini, yang berhijrah dengan merentasi Bukit Panchor untuk datang mencari makanan.

Katanya, berdasarkan najis yang dijumpai, dia percaya terdapat lebih lima ekor gajah yang menceroboh kawasan berkenaan.

"Selain cari makanan, terdapat juga beberapa kesan di tali air yang menunjukkan gajah turut mencari bekalan air semasa musim panas ini," katanya.



PEKEBUN melihat tanaman mereka yang ditumbangkan kumpulan gajah liar di Kuala Nerang kelmarin.

Kosmo 11.2.2022_17